



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 6, Issue 6, June 2021

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocialsciences.com

Pakatan Pertahanan Amerika Syarikat di Timur Laut Asia: Kenapa Berbentuk Bilateral?

Mohd. Noor Yazid¹

¹Program Hubungan Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Correspondence: Mohd. Noor Yazid (mohdnoor@ums.edu.my)

Abstrak

Artikel ini membincangkan Pakatan pertahanan Amerika Syarikat dan kestabilan di rantau Timur Laut Asia dalam era Perang Dingin (terutamanya dalam dekad-dekad awal selepas bermulanya Perang Dingin di Asia). Pakatan pertahanan yang dibentuk Amerika Syarikat di Timur Laut Asia adalah berbeza dengan rantau-rantau lain. Amerika Syarikat membentuk Pakatan pertahanan yang bersifat bilateral dengan negara-negara sekutunya di rantau Timur Laut Asia ini; Pakatan pertahanan Amerika Syarikat-Jepun 1951; Pakatan pertahanan Amerika Syarikat-Korea Selatan 1953; Pakatan pertahanan Amerika Syarikat-Taiwan 1954. Pakatan pertahanan yang ditandatangani dalam tahun-tahun awal Perang Dingin ini masih efektif dan berperanan dalam percaturan kuasa di rantau Asia Pasifik sehingga kini. Objektif utama kajian ini adalah bagi meneroka kenapa Pakatan pertahanan Amerika Syarikat dengan negara-negara sekutunya dirantau ini berbeza dengan rantau lain. Di rantau lain Amerika Syarikat membentuk Pakatan pertahanan yang bersifat multi-lateral seperti NATO di Atlantik Utara/Eropah dan SEATO di rantau Asia Tenggara. NEATO tidak dibentuk di rantau Timur Laut Asia. Kajian ini merumuskan bahawa faktor geo-politik, faktor kepimpinan dan politik dalaman di negara sekutu Amerika Syarikat di Timur Laut Asia serta struktur kuasa komunis di rantau Timur Laut Asia mempengaruhi keputusan Amerika Syarikat membentuk pakatan pertahanan yang bersifat bilateral. Pakatan yang bersifat bilateral memberikan kelebihan kepada Amerika Syarikat dalam membuat keputusan serta membentuk darjah kestabilan serantau yang dikawal oleh Amerika Syarikat dengan lebih terjamin.

Kata kunci: bilateral, multi-lateral, Timur Laut Asia, Jepun, Taiwan, Korea Selatan, geo-politik, Perang Dingin, Pakatan Pertahanan Amerika

The U.S Security Alliance in Northeast Asia: Why Bilateral?

Abstract

This paper discusses the American security Alliance and the Northeast Asian regional stability during the Cold War period (especially in the early decades after the outbreak of the Cold War in Asia). The American security alliance in the Northeast Asian region is different with the American security alliance in the other region. The American formed bilateral security alliance with the pro-American powers in the Northeast Asian region; The U.S.-Japan Alliance 1951, The U.S.-South Korea Bilateral Agreement 1953, and the U.S.-Republic of China (Taiwan) in 1954. These bilateral agreements that were signed in the early years of the Cold War still effective and play their role in the today regional power configuration. The objectives of the study are to explore why the American security Alliance with his alliance state in the Northeast Asia is totally different with the American security alliance in

the other region. In the other region the American created multi-lateral alliance, such as NATO (North Atlantic Treaty Organization) in North Atlantic/Europe and SEATO (southeast Asia Treaty Organization) in Southeast Asian region. There is no NEATO (Northeast Asia Treaty Organization) in the Northeast Asian region. This study concludes the factor of geo-politics, domestic and leadership factors in the American alliance state in the Northeast Asia and the structure of communist powers in the Northeast Asia influenced the American to create the bilateral security alliance rather than a multi-lateral. The Bilateral security structure give the American more power in controlling security decision and creating better degree of Northeast Asian regional stability.

Keywords: bilateral, multi-lateral, Northeast Asia, Japan, Taiwan, South Korea, geo-politics, Cold War, American Security Alliance

Pengenalan

Artikel ini memfokuskan perbincangan kepada pakatan pertahanan yang diterajui oleh Amerika Syarikat di rantau Timur Laut Asia. Perbincangan dalam artikel ini dilihat penting kerana Amerika Syarikat merupakan sebuah kuasa yang sangat penting dalam percaturan kuasa dan pembentukan kestabilan di rantau Asia Pasifik. Jadi, peranan utamanya dalam pakatan pertahanan di rantau Asia Pasifik secara langsung mempengaruhi bentuk percaturan kuasa dan perkembangan politik antarabangsa di rantau Asia Pasifik. Kenapa pakatan pertahanan di Timur Laut Asia bersifat bilateral, tetapi berbeza dengan rantau Asia Tenggara yang bersifat multilateral? Perbincangan dalam artikel ini merumuskan bahawa ia perlu bagi memastikan Amerika Syarikat mempunyai kuasa dominan dalam sebarang keputusan dan bagi memastikan kestabilan serantau boleh terbentuk. Situasi geo-politik dan struktur politik domestik negara-negara sekutu Amerika Syarikat di Timur Laut Asia yang berbeza telah mempengaruhi bentuk pakatan dan tindakan Amerika Syarikat yang berbeza.

Pakatan pertahanan yang terbentuk di antara Amerika Syarikat dengan negara-negara sekutunya di rantau Timur Laut Asia ini adalah bersifat bilateral dan tidak bersifat multilateral sebagaimana berlaku di Asia Tenggara dan rantau lain dunia. Semua pakatan pertahanan Amerika Syarikat di rantau lain dunia adalah bersifat multilateral seperti *North Atlantic Treaty Organization* (NATO) di Eropah, *Central Organization*, CENTO (atau dikenali juga dengan *Baghdad Pact* pada awalnya) di Timur Tengah, *South East Asia Treaty Organization* (SEATO) di Asia Tenggara dan ANZUS dengan Australia dan New Zealand. Di rantau Timur Laut Asia, pakatan pertahanan adalah bersifat bilateral iaitu pakatan pertahanan Amerika Syarikat-Jepun 1951, Pakatan pertahanan Amerika Syarikat-Korea Selatan 1953 dan Amerika Syarikat- Republik China (Taiwan) 1954. Artikel ini akan membincangkan kenapa berlaku pakatan ketenteraan yang sedemikian sifatnya di rantau timur laut ini dan berbeza dengan pakatan yang dibentuk di rantau Asia Tenggara dan rantau lain.¹ Perbincangan dalam artikel ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu pertamanya, membincangkan pakatan-pakatan pertahanan Amerika Syarikat dengan negara-negara sekutu di Timur Laut Asia; kedua, kenapa pakatan berbentuk bilateral di Timur Laut Asia dan kenapa berbentuk multilateral di Asia Tenggara? dan; akhir sekali perbincangan serta rumusan menyeluruh dalam kajian ini.

Pakatan-pakatan Pertahanan Amerika Syarikat dengan Negara-negara Sekutu di Timur Laut Asia

Terdapat tiga pakatan pertahanan yang ditandatangani oleh Amerika Syarikat dengan negara-negara sekutunya di Timur Laut Asia iaitu dengan Jepun 1951, dengan Korea Selatan 1953 dan dengan Republik China (Taiwan) 1954. Kesemua perjanjian pertahanan ini bersifat bilateral dan mempunyai hubungan dengan perkembangan politik dan keselamatan yang berlaku di rantau Timur Laut Asia itu. Terbentuknya Republik Rakyat China pada Oktober 1949, termeterainya perjanjian 30 tahun China-Soviet Union dalam bulan Februari 1950, Perang Korea yang meletus pada 25 Jun 1950 sehingga 1953, ketegangan hubungan China Komunis dengan Taiwan serta faktor-faktor geo-strategik serantau telah mempengaruhi bentuk pakatan pertahanan Amerika Syarikat dengan negara-negara sekutu dan

bentuk percaturan kuasa di rantau Timur Laut Asia itu, yang berbeza dengan bentuk pakatan yang dibentuk di rantau lain. Sifat negara Jepun serta penerimaan dan persepsi negara-negara pro-Barat terhadap Jepun juga mempengaruhi pakatan pertahanan yang bersifat bilateral dan tidak terbentuknya sebuah pakatan pertahanan yang berbentuk bilateral. Australia dan New Zealand tidak boleh menerima dan mempunyai persepsi negatif terhadap Jepun. Kedua-dua buah negara pro-Barat ini menolak Jepun sebagai sebuah negara anggota dalam pakatan pertahanan yang berbentuk multilateral.ⁱⁱ Korea Selatan juga tidak boleh menerima negara Jepun selepas tamatnya Perang Dunia Kedua sebagai anggota pertahanan pakatan bersama. Walaupun Jepun dan Korea Selatan mempunyai musuh ideologi yang sama iaitu Soviet Union, Korea Utara dan juga China Komunis, tetapi hubungan politik antara dua buah negara pro-Amerika Syarikat ini hanya pulih selepas tahun 1965.ⁱⁱⁱ

Pakatan Pertahanan Amerika Syarikat-Jepun 1951 (*The US- Japan Alliance 1951*)

Pakatan pertahanan Amerika Syarikat-Jepun ini dibentuk pada 8 September 1951, iaitu dua tahun lebih selepas penubuhan *North Atlantic Treaty Organization* (NATO) di benua Eropah^{iv}. Pakatan pertahanan ini ditubuhkan dengan dua tujuan utama. Tujuan pertama adalah untuk menjadikan Jepun sebagai benteng bagi menentang ancaman pengaruh komunis yang sedang berkembang pesat di rantau Timur Laut Asia sejak akhir tahun 1940-an apabila bermulanya Perang Dingin. Tujuan kedua adalah untuk mengawal pertahanan dan ketenteraan Jepun daripada bangkit semula sebagai sebuah kuasa tentera yang berpengaruh di peringkat antarabangsa. Hal ini penting kerana jika Jepun bangkit semula sebagai kuasa tentera yang kuat, maka ini memungkinkan negara Jepun membawa ancaman semula kepada kuasa Amerika Syarikat sebagaimana yang berlaku dalam Perang Dunia Kedua. Tujuan kedua ini juga penting bagi memastikan kebangkitan semula Jepun tidak berlaku dan sebarang keputusan penting ketenteraan dan keselamatan serantau didominasi oleh keputusan yang dibuat oleh Amerika Syarikat.

Dalam tahun-tahun awal 1950-an ini, berlaku perluasan pengaruh komunis yang agresif di rantau Timur Laut Asia. China Komunis, Vietnam Utara dan Korea Utara mendapat sokongan dan bantuan yang kuat daripada Soviet Union. Struktur kuasa antarabangsa yang bersifat bipolar yang baru terbentuk mulai awal tahun 1950-an mempengaruhi perkembangan ini. China telah bangkit sebagai kuasa komunis yang berpengaruh dengan sokongan kuat daripada Soviet Union. Perjanjian yang dimeterai di antara China komunis dan Soviet Union dalam bulan Februari 1950 (Perjanjian 30 tahun) telah mengukuhkan kedudukan dan jaminan kerjasama ketenteraan daripada Soviet Union. Dengan bantuan serta sokongan kuat daripada Soviet Union, tahap teknologi dan keupayaan ketenteraan China dijangka berkembang dengan pesat dalam masa yang singkat. Penglibatan dan peranan besar yang dimainkan oleh tentera-tentera China komunis dalam Perang Korea yang meletus pada 25 Jun 1950 menjadikan satu pengajaran dan membimbangkan pihak Amerika Syarikat. Jika kemaraan kuasa China komunis tidak dibendung dengan cepat, ianya akan memberikan kesan yang buruk kepada kedudukan dan pengaruh Amerika Syarikat di rantau timur laut Asia. Strategi Amerika Syarikat yang benar-benar berkesan bagi menyekat perluasan pengaruh adalah sangat perlu bagi memastikan negara-negara yang pro-Amerika Syarikat tidak berjaya dikuasai oleh pihak komunis.

Konflik yang berlaku di Semenanjung Korea di antara Korea Utara dan Korea Selatan membimbangkan pihak Amerika Syarikat. Dengan lokasi geografi Semenanjung Korea yang begitu dekat dengan Jepun adalah sangat perlu bagi pihak Amerika Syarikat menjadikan Jepun sebagai benteng yang kukuh dan pusat pertahanan bagi menyekat daripada perluasan pengaruh komunis yang lebih meluas. Bantuan segera dapat diberikan kepada Korea Selatan apabila diperlukan. Ini dapat dilakukan jika Amerika Syarikat menguasai dan mendominasi keputusan ketenteraan Jepun. Dengan sifat hubungan Korea Selatan dan Jepun yang tidak benar-benar harmoni adalah sukar jika keputusan ketenteraan Jepun tidak dikuasai oleh Amerika Syarikat.^v

Perjanjian pertahanan Amerika Syarikat-Jepun juga mempunyai tujuan mengawal Jepun daripada bangkit semula sebagai sebuah kuasa besar ketenteraan dunia sebagaimana yang pernah berlaku dalam tahun-tahun 1930-an sehingga berlakunya Perang Dunia Kedua di rantau Asia Pasifik 1941-1945. Jika tidak dikawal dengan teliti daripada awal-awal lagi, negara Jepun adalah mempunyai potensi untuk bangkit semula menjadi kuasa besar dunia yang mungkin mampu mencabar kuasa Amerika Syarikat

sekali lagi. Jepun dianggap oleh pihak Amerika Syarikat sebagai rakan yang penting dan kunci kekuatannya di Timur Laut Asia sebagaimana kedudukan Jerman menjadi kunci pertahanan Amerika Syarikat di benua Eropah. Jika Jepun dapat dikawal sepenuhnya iaitu berada dibawah kawalan ketenteraan Amerika Syarikat, maka ini akan memudahkan Amerika Syarikat mengawal percaturan kuasa politik dan ketenteraan di seluruh rantau Timur Laut Asia.

Perkembangan politik dan konflik yang berlaku di Semenanjung Korea sejak awal tahun 1950 itu memerlukan peranan dan kerjasama ketenteraan Amerika Syarikat dengan Jepun. Kedudukan geografi Jepun dengan Semenanjung Korea yang sangat dekat dari segi kedudukan geografi amat penting bagi strategi pertahanan dan pembendungan pengaruh komunis. Andainya Jepun gagal dikawal oleh pihak Amerika Syarikat dan berjaya dikuasai kuasa komunis, maka akan membawa kesan buruk kepada kedudukan Amerika Syarikat di rantau Asia Pasifik. Kedudukan Parti Komunis Jepun juga agak kuat pengaruhnya dalam akhir tahun 1940-an dan 1950-an. Apabila Jepun gagal dikawal, bermakna kedudukan dan pengaruh Amerika Syarikat di Korea Selatan juga akan terancam. Jadi, kawalan terhadap Jepun bukan hanya bagi kawalan Amerika Syarikat ke atas Jepun tetapi implikasi dan kepentingan kepada seluruh rantau Timur Laut Asia khususnya. Pembentukan pusat tentera Amerika Syarikat di Pulau Okinawa, selatan Jepun adalah sangat penting bagi kedudukan pertahanan dan strategi ketenteraan Amerika Syarikat di Timur Laut Asia.

Perjanjian Pertahanan 1951 ini penting bagi kedua-dua belah pihak, Amerika Syarikat dan Jepun. Dengan perjanjian ini, Amerika Syarikat mempunyai kuasa mengawal pembangunan ketenteraan Jepun pada tahap yang diperlukan oleh Amerika Syarikat iaitu tidak terlalu kuat sehingga mampu mencabar kuasa Amerika Syarikat dan tidak terlalu lemah sehingga gagal mempertahankan negara Jepun sendiri daripada serangan musuh serantau (negara komunis). Melalui perjanjian Pakatan Pertahanan Jepun–Amerika Syarikat 1951 ini, pihak Amerika Syarikat telah dibenarkan membina pangkalan tentera laut dan pangkalan tentera udara di Pulau Okinawa, Jepun. Amerika Syarikat juga bertanggungjawab bagi melindungi pertahanan Jepun sekiranya Jepun terlibat dengan peperangan atau diserang oleh pihak musuh.

Dengan jaminan pertahanan yang diperolehi daripada perjanjian Pertahanan Amerika Syarikat–Jepun 1951 ini, Jepun dapat memberikan tumpuan kepada usaha pemulihan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi serta perdagangan antarabangsa. Bantuan daripada Amerika Syarikat juga diberikan kepada Jepun dalam aspek ekonomi-perdagangan dan pembangunan sosial. Bantuan ini juga mempengaruhi supaya Jepun tidak dapat bertindak dengan bebas dan sentiasa terikat dengan Amerika Syarikat dalam aspek bantuan ekonomi. Perdagangan antarabangsa Jepun berkembang pesat ke seluruh kawasan lingkungan pengaruh ekonomi Amerika Syarikat (*American Economic sphere*). Dengan pengaruh kuasa hegemoni Amerika Syarikat, perdagangan antarabangsa dan ekonomi Jepun berkembang dengan sangat pesat selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua dengan kawalan pertahanan yang diberikan oleh Amerika Syarikat. Pasaran ekonomi keluaran Jepun tidak mungkin dapat berkembang dengan begitu cepat dan meluas tanpa sokongan kuat daripada pihak Amerika Syarikat. Dengan sokongan Amerika Syarikat itu, pertumbuhan ekonomi Jepun berkembang dengan pesat. Dalam masa lebih kurang dua dekad sahaja, ekonomi Jepun kembali kukuh. Dalam tahun 1965, KDNK Jepun adalah sama besarnya dengan gabungan KDNK negara-negara Australia, New Zealand, Korea Selatan, Filipina, Singapura, Thailand, Malaysia dan Indonesia.^{vi} Ancaman ketenteraan akan berlaku jika tidak wujudnya perjanjian keselamatan bersama yang didominasi oleh Amerika Syarikat, jika Jepun menterjemahkan kekuatan ekonominya itu kepada kekuatan ketenteraan. Dalam keadaan normal, kekuatan ekonomi akan diterjemahkan kepada kekuatan pertahanan. Dalam aspek inilah pentingnya perjanjian keselamatan dan peranan Amerika Syarikat dalam mengawal kebangkitan semula Jepun dan membentuk kestabilan serantau.

Perjanjian pertahanan yang dibentuk semasa awal Perang Dingin, September 1951 di antara Amerika Syarikat dan Jepun ini berterusan sehingga kini (dengan beberapa pindaan dan perubahan tanpa perubahan asas utama perjanjian). Ianya masih menjadi asas hubungan pertahanan di antara kedua-dua buah negara yang dilihat masih lagi relevan sehingga era pasca Perang Dingin. Pergolakan dan konflik Semenanjung Korea yang belum berakhir sehingga kini, menjadikan perjanjian pertahanan yang ditandatangani dalam tahun 1951 itu tetap penting dan relevan bagi kestabilan rantau Timur Laut Asia.

Struktur perjanjian dan pertahanan yang dirangka sejak awal Perang Dingin masih memainkan peranan dan tidak mungkin diubah asasnya kerana rantau Timur Laut Asia tidak banyak berubah walaupun Perang Dingin di peringkat global telah berakhir pada akhir tahun 1991. Kewujudan kuasa China Komunis sebagai kuasa ekonomi kedua terbesar dan kuasa tentera yang kuat menjadikan struktur hubungan asal Amerika Syarikat-Jepun tetap perlu dipertahankan bagi kestabilan serantau. Dasar Jepun yang mungkin berubah dan perubahan domestik Jepun perlu ditangani dengan cermat oleh Amerika Syarikat.

Pakatan Pertahanan Amerika Syarikat-Korea Selatan 1953 (*The US-Republic of Korea Defence Treaty, October 1953*)

Pakatan pertahanan Amerika Syarikat-Korea Selatan dibentuk pada bulan Oktober 1953. Pada dasarnya, perjanjian pertahanan ini ditandatangani adalah untuk mengawal perluasan pengaruh komunis, khususnya pengaruh Soviet Union ke rantau Timur Laut Asia. Perkembangan politik dan usaha perluasan ideologi komunis semakin jelas selepas meletusnya Perang Korea pada 25 Jun 1950. Usaha perluasan pengaruh komunis tidak akan berhenti dengan gencatan senjata pada tahun 1953 itu. Kedudukan pertahanan serta kelengkapan tentera Korea Selatan serta falsafah pegangan politik Syngman Rhee tidak dapat menjamin sepenuhnya yang pihak Korea Selatan akan selamat daripada dicerobohi oleh komunis Korea Utara. Dengan terbentuknya perjanjian pertahanan di antara Amerika Syarikat dan Korea Selatan ini, pihak Amerika Syarikat akan memainkan peranan yang lebih berkesan mengekang meluasnya pengaruh komunis. Korea Selatan dan Semenanjung Korea amnya adalah sangat penting bagi mempertahankan kedudukan dan kepentingan Amerika Syarikat di timur laut dan Asia Pasifik amnya.

Tujuan lain perjanjian ini adalah untuk mengawal tindakan Presiden Korea Selatan, Syngman Rhee yang mempunyai niat menggabungkan Korea Utara melalui tindakan ketenteraan, sedangkan pihak Amerika Syarikat mempunyai pandangan yang berbeza iaitu mengelakkan daripada berlakunya sebarang peperangan yang lebih besar di antara Korea Utara dan Korea Selatan khususnya dan peperangan di antara dua pihak ideologi yang bersaing, iaitu Amerika Syarikat dengan Soviet Union dan China. Sekiranya pimpinan Korea Selatan dibiarkan tanpa kawalan Amerika Syarikat, besar kemungkinan akan berlakunya konflik yang lebih panjang dan kompleks. Melalui pakatan pertahanan ini, Amerika Syarikat dapat mengawal tindakan Presiden Korea Selatan, Syngman Rhee daripada melancarkan tindakan unilateral menyerang Korea Utara tanpa mendapat persetujuan pihak Amerika Syarikat terlebih dahulu. Dalam aspek ini, pakatan bersifat bilateral memainkan peranan penting bagi Amerika Syarikat mengawal keputusan ketenteraan. Jika pakatan multilateral terbentuk, mungkin Syngman Rhee akan mendapat sokongan daripada Chiang Kai-shek yang juga mempunyai hasrat yang hampir sama iaitu menyatukan semula Tanah Besar China dengan Taiwan melalui tindakan ketenteraan. Jika Rhee bersama dengan Chiang Kai-shek dalam pakatan bertentuk multilateral, ia akan melemahkan keputusan dan peranan yang boleh dimainkan oleh Amerika Syarikat. Apabila serangan ke atas Tanah Besar China dan Korea Utara berlaku pastinya akan melibatkan campur tangan China Komunis dan Soviet Union. Konflik yang lebih besar akan berlaku. Amerika Syarikat tidak akan membiarkan rantau Timur Laut Asia dikuasai oleh kuasa komunis. Hal ini akan memaksa pihak Amerika Syarikat campur tangan dan terlibat dalam konflik. Hal ini cuba dielakkan oleh pihak Amerika Syarikat. Dengan adanya perjanjian pertahanan 1953 ini, tindakan Syngman Rhee akan terbatas dan mesti bergantung serta tertakluk kepada keputusan bersama pihak Amerika Syarikat. Keputusan yang hanya didasarkan kepada perkiraan Syngman Rhee semata-mata tidak dapat dilakukan dengan kawalan maksimum daripada pihak Amerika Syarikat. Konflik yang lebih besar dengan hanya berasaskan keputusan peribadi Syngman Rhee tanpa persetujuan pihak Amerika Syarikat dapat dielakkan daripada berlaku. Amerika Syarikat akan memainkan peranan yang lebih besar dalam mengawal konflik daripada meletus di Semenanjung Korea. Hal ini berjaya dikawal oleh pihak Amerika Syarikat sehingga kini berasaskan pakatan berbentuk bilateral dan peranan penting yang diputuskan oleh Amerika Syarikat. Kuasa lemah terpaksa akur kepada keputusan kuasa yang lebih besar dalam keputusan ketenteraan berasaskan kepada beberapa faktor yang terdapat di rantau Timur Laut dan Semenanjung Korea.^{vii}

Pakatan Pertahanan Amerika Syarikat-Taiwan 1954 (*The US-Republic of China Security Treaty, December 1954*)

Pakatan Pertahanan Amerika Syarikat-Taiwan ditandatangani pada Disember 1954. Perjanjian pertahanan ini mempunyai hubungan rapat dengan perkembangan politik dan perluasan pengaruh komunis di rantau Timur Laut Asia sejak awal tahun 1950-an. Antara tujuan pakatan pertahanan ini dibentuk adalah untuk mempertahankan Taiwan daripada dikuasai oleh pihak komunis. Hal ini berkait rapat dengan kebangkitan China Komunis dan hubungan rapatnya dengan Soviet Union dalam usaha meluaskan pengaruh komunis di rantau Timur Laut Asia. Amerika Syarikat berpendapat bahawa Taiwan mesti dipertahankan dan mesti dielakkan daripada menjadi sebuah wilayah dalam lingkungan pengaruh komunis. Kegagalan mempertahankan Taiwan akan memberi kesan kepada wilayah-wilayah pro-Barat yang lain di Timur Asia. Regim Chiang Kai-shek harus dibantu dan dipertahankan bagi terus menguasai Taiwan sebagai sebuah kerajaan bukan komunis. Peranan yang dimainkan oleh China Komunis dalam Perang Korea 1950-1953 dan krisis Taiwan pertama 1954-1955 adalah bukti yang China memang berhasrat meluaskan pengaruh komunis, khususnya mengambil semula Taiwan sebagai sebahagian daripada wilayah China komunis.^{viii} Pada bulan Julai 1954, Quemoy (kemudiannya Matsu) telah dibedil oleh China Komunis secara besar-besaran. Tindakan China ke atas Taiwan berikutnya telah mempengaruhi Amerika Syarikat akan Taiwan perlu dipertahankan bagi mengelak daripada dikuasai oleh pihak komunis. Tanpa bantuan pertahanan Amerika Syarikat, Taiwan akan mudah dikuasai China Komunis. Walaupun secara relatifnya kekuatan tentera China Komunis adalah lebih lemah berbanding dengan kekuatan ketenteraan dan pertahanan Amerika Syarikat, tetapi sokongan kelengkapan ketenteraan daripada Soviet Union melalui Perjanjian Tiga Puluh Tahun yang ditandatangani pada Februari 1950 akan mampu menjadi satu cabaran kepada pihak Amerika Syarikat.^{ix}

Perjanjian Pertahanan Amerika Syarikat-Taiwan 1954 ini juga mempunyai matlamat mengawal tindakan Chiang Kai-shek daripada bertindak bersendirian melancarkan perang ke atas China Komunis bagi mencapai matlamatnya menguasai seluruh Tanah Besar China. Chiang Kai-shek memang mempunyai cita-cita melakukan serangan ke atas tanah besar dan menguasai seluruh China. Tanpa kawalan Amerika Syarikat, tindakan Chiang akan membawa kepada konflik yang lebih besar (yang cuba dielak daripada berlaku oleh pihak Amerika Syarikat).^x Dengan adanya perjanjian keselamatan bersama ini, tindakan berasaskan keputusan peribadi Chiang Kai-shek tanpa perbincangan serta persetujuan dengan pihak Amerika Syarikat dapat dikawal. Sebarang keputusan Chiang Kai-shek mesti terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada pihak Amerika Syarikat dan dapat mengelak pihak Amerika Syarikat daripada terperangkap dengan konflik rantau Timur Laut Asia yang lebih besar. Matlamatnya adalah untuk mengelak perang yang lebih besar berlaku antara pihak komunis dan Amerika Syarikat dalam meluaskan pengaruhnya.^{xi} Pihak Amerika Syarikat berusaha bagi mengelak negara-negara yang bukan komunis (seperti Taiwan) menjadi negara komunis, dan dalam masa yang sama juga mengelak perang yang lebih besar berlaku di rantau Timur Laut Asia. Geo-politik yang terbentuk dalam tahun-tahun awal 1950-an di Timur Laut Asia perlu dipertahankan. Perluasan wilayah yang dikuasai komunis perlu disekat dalam keadaan yang terkawal dengan mengelak sebarang konflik yang besar. Hal ini dapat dilakukan melalui pakatan bilateral yang mana peranan Amerika Syarikat yang besar dalam keputusan ketenteraan dan polisi luar Taiwan.

Kenapa Pembentukan Pakatan Pertahanan Amerika Syarikat di Timur Laut Asia bersifat Bilateral, bukan berbentuk Multilateral?

Kenapa pakatan berbentuk bilateral ini hanya dibentuk oleh Amerika Syarikat di rantau Timur Laut Asia dan tidak di rantau lain? Apakah istimewanya rantau ini berbanding dengan rantau lain yang menyebabkan pihak Amerika Syarikat membentuk pakatan yang berbeza dengan rantau-rantau lain di dunia. Bagaimana ini dapat dijelaskan?

Konsep "*power play*"^{xii} dapat digunakan bagi memudahkan penulis menjelaskan kenapa pakatan pertahanan Amerika Syarikat dengan negara-negara sekutunya di rantau Timur Laut Asia bersifat

bilateral dan bukannya bersifat multilateral seperti yang berlaku di bahagian-bahagian lain dunia. Kebanyakan pakatan ketenteraan dan keselamatan yang dianggotai oleh Amerika Syarikat di rantau lain dunia adalah bersifat multilateral. Di benua Eropah, Timur Tengah, Pasifik Selatan dan di Asia Tenggara, pakatan ketenteraan dan keselamatan yang dianggotai/diketuai oleh Amerika Syarikat adalah bersifat multilateral.^{xiii} Keadaan berbeza di rantau Timur Laut Asia di mana pakatan ketenteraan yang dianggotai/diketuai oleh Amerika Syarikat adalah bersifat bilateral.

Rajah di bawah dapat menjelaskan kenapa hubungan bersifat bilateral dibentuk oleh Amerika Syarikat di rantau Timur Laut Asia. Amerika Syarikat sebagai kuasa besar (*great power*) akan mendapat kuasa yang lebih kuat dalam membuat keputusan dengan sekutu-sekutunya di Timur Laut Asia iaitu Korea Selatan, Jepun dan Taiwan sebagai kuasa kecil yang lemah (*small powers*). Hubungan yang bersifat bilateral akan memberikan kuasa yang lebih kepada kuasa besar dalam membuat keputusan. Rajah ini juga dapat menjelaskan apakah bentuk pakatan yang mungkin dibentuk sebagai kawalan kuasa besar ke atas kuasa kecil sama ada bersifat bilateral atau bersifat multilateral.

Powerplay: Kawalan Bilateral lwn. Multilateral

	Negara Sasaran: Kuasa Kecil	Negara Sasaran: Kuasa Besar
Kuasa kecil dan usaha kawalan ke atas negara sasaran	Multilateral	Multilateral
Kuasa besar dan usaha awalan ke atas negara sasaran	Bilateral	Multilateral

Sumber: Cha, Victor, D., 2009. 'Powerplay: Origin of the U.S. Alliance System in Asia,' hal.165 (dिसुsuaikan).^{xiv}

Pakatan bersifat bilateral adalah yang paling tepat bagi kuasa besar Amerika Syarikat mencapai kawalan yang maksimum terhadap sekutunya negara-negara kecil di Timur Laut Asia iaitu Korea Selatan dan Taiwan (Negara Sasaran: Kuasa Kecil). Pakatan bersifat bilateral ini akan memberikan kawalan yang maksimum oleh Amerika Syarikat ke atas negara kecil iaitu Korea Selatan dan Taiwan. Siri pakatan bilateral lebih memberikan kawalan yang lebih maksimum berbanding dengan pakatan yang berbentuk multilateral. Hal ini bermakna bahawa siri pakatan seperti 'Pakatan Amerika Syarikat-Korea Selatan 1953,' (bilateral) 'Pakatan Amerika Syarikat-Taiwan 1954' (bilateral) dan 'Pakatan Amerika Syarikat-Jepun 1951' (bilateral) adalah lebih memberikan kawalan yang maksimum bagi Amerika Syarikat terhadap negara-negara lemah berbanding dengan pakatan pertahanan yang terdiri daripada 'Amerika Syarikat-Jepun-Korea Selatan-Taiwan' (multilateral). Kawalan kuasa besar ke atas kuasa kecil seperti yang berlaku di rantau Euro-Atlantik adalah lebih sesuai dengan pakatan yang berbentuk multilateral.

Pakatan yang bersifat bilateral (contohnya Pakatan Amerika Syarikat-Korea Selatan), pihak Amerika Syarikat sebagai kuasa besar mempunyai kawalan secara langsung dan berkesan terhadap Korea Selatan. Amerika Syarikat akan mempunyai kuasa dan pengaruh yang lebih kuat terhadap Korea Selatan. Pengaruh Amerika Syarikat terhadap Korea Selatan akan menjadi lemah secara relatifnya jika pakatan yang dibentuk bersifat multilateral, misalnya "Pakatan Pertahanan Amerika Syarikat-Jepun-Korea Selatan-Taiwan." Amerika Syarikat adalah hanya sebuah kuasa sahaja di antara tiga kuasa anggota pakatan itu. Hal ini akan melemahkan pengaruh dan keputusan yang mampu diputuskan oleh Amerika Syarikat. Kawalan maksimum tidak dapat dilakukan oleh pihak Amerika Syarikat dalam pakatan yang bersifat multilateral, sebagaimana kedudukan Amerika Syarikat dalam pakatan yang bersifat bilateral. Bilateral hanya dua buah kuasa sahaja, iaitu Amerika Syarikat dan Taiwan misalnya. Amerika Syarikat sebagai kuasa besar akan dapat mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh Taiwan. Kawalan langsung dan lebih maksimum dapat dilakukan oleh pihak Amerika Syarikat ke atas Taiwan. Keputusan Taiwan sebagai sebuah kuasa kecil adalah tidak bebas, iaitu tertakluk kepada persetujuan pihak Amerika Syarikat yang mempunyai kuasa yang lebih kuat dan berpengaruh.

'Powerplay' ini tidak boleh beroperasi dalam semua keadaan, tetapi mempunyai beberapa syarat tertentu. Kawalan negara kuasa besar ke atas negara kuasa kecil sekutunya boleh beroperasi dalam keadaan tertentu iaitu dengan tiga syarat, pertamanya, mengalami ancaman luar (*external threat*);

kedua, kuasa yang bersifat *asymmetries* iaitu tidak mempunyai kekuatan yang sama (*power asymmetries between the allies*) dan ketiga; ketakutan perangkap (*fears of entrapment*).

Ancaman luar merupakan satu syarat penting bagi membolehkan '*powerplay*' ini beroperasi. Negara sekutu Amerika Syarikat di rantau Timur Laut Asia seperti Korea Selatan, Taiwan dan Jepun menghadapi ancaman daripada kuasa komunis Korea Utara, China Komunis dan Soviet Union. Perang Korea 1950-1953 dan krisis Selat Taiwan pertama 1954-1955 merupakan contoh ancaman luar bagi Taiwan dan Korea Selatan. Ancaman luar ini memudahkan operasi '*powerplay*' berjalan. Andainya tiada ancaman luar ini akan menyukarkan penerimaan kuasa kecil akan keputusan yang dibuat oleh kuasa besar. Korea Selatan dan Taiwan tidak akan mudah menerima kawalan dan keputusan yang dibuat oleh pihak Amerika Syarikat sekiranya tidak terdapat ancaman luar daripada China Komunis, Korea Utara dan Soviet Union. Pengawalan kuasa besar secara maksimum ke atas kuasa kecil mungkin sukar dicapai sekiranya tidak wujud ancaman luar ini. Kuasa kecil akan menolak keputusan yang dibuat oleh kuasa besar, tetapi dengan adanya ancaman luar ini, keputusan yang dibuat oleh kuasa besar tidak akan ditolak oleh kuasa kecil itu bagi menjamin keselamatan negara apabila berlakunya ancaman luar (iaitu ancaman daripada China Komunis, Soviet Union dan Korea Utara).

Syarat kedua ialah darjah kuasa yang bersifat '*asymmetries*' iaitu wujudnya perbezaan darjah kuasa di antara anggota pakatan di antara kuasa besar dan kuasa kecil. Perbezaan darjah kuasa ini membolehkan kuasa besar (iaitu Amerika Syarikat) menggunakan kawalan dan kekuatan yang maksimum terhadap negara kuasa kecil (iaitu Korea Selatan dan Taiwan). Kawalan kuasa besar yang maksimum dapat mengukuhkan pengaruh dan keputusan kuasa besar (iaitu Amerika Syarikat) untuk mengawal kuasa kecil (Taiwan dan Korea Selatan) daripada melakukan sebarang tindakan agresif yang boleh memerangkap kuasa besar, Amerika Syarikat ke dalam konflik yang merbahaya. Berasaskan syarat ini Amerika Syarikat dapat mengawal tindakan Syngman Rhee dan Chiang Kai-shek daripada bertindak melakukan serangan ke atas China Komunis dan Korea Utara tanpa izin daripada pihak Amerika Syarikat terlebih dahulu. Walaupun kedua-dua pemimpin ini bercita-cita membentuk penyatuan negara masing-masing melalui tindakan ketenteraan (iaitu dengan serangan ke atas Korea Utara dan serangan ke atas China Komunis), tetapi kedua-duanya tidak dapat berbuat demikian kerana kawalan dan pengaruh kuasa besar Amerika Syarikat ke atas keputusan Korea Selatan dan Taiwan. Sekiranya Taiwan dan Korea Selatan mempunyai kedudukan kekuatan ketenteraan yang sama, maka agak sukar bagi Amerika Syarikat mendominasi sebarang keputusan ketenteraan. Dalam aspek ini rantau Euro-Atlantik berbeza dengan rantau Timur Laut Asia kerana di rantau tersebut terdapat beberapa buah negara yang secara relatifnya lebih kuat daripada tahap kekuatan Taiwan dan Korea Selatan. Negara Great Britain dan Perancis mempunyai tahap ketenteraan yang lebih kuat daripada Taiwan dan Korea Selatan. Jepun walaupun mempunyai asas ketenteraan dan teknologi yang kuat (sebelum Perang Dunia Kedua), tetapi kelemahan dan kehancurannya selepas mengalami kekalahan dalam Perang Pasifik 1945 dan Perjanjian Keselamatan Jepun-Amerika Syarikat 1951 serta Perlembagaan Jepun 1947, telah mengawal kedudukan Jepun yang membolehkan Amerika Syarikat menguasai keputusan dalam aspek ketenteraan dan keselamatan. Melalui Pakatan Keselamatan Jepun-Amerika Syarikat 1951 dan Perlembagaan Jepun 1947, Jepun tidak lagi menjadi sebuah kuasa yang normal (*normal power*) dan banyak tertakluk kepada keputusan oleh pihak Amerika Syarikat dalam keputusan dasar luar dan ketenteraan.

Kesimpulan

Pakatan pertahanan Amerika Syarikat dengan negara-negara sekutunya di Timur Laut Asia iaitu Korea Selatan, Taiwan dan Jepun adalah berbeza dengan pakatan pertahanan Amerika Syarikat di rantau lain, hatta dengan rantau yang paling hampir dengan Timur Laut Asia iaitu Asia Tenggara. Rantau Timur Laut Asia tiada terbentuknya NEATO (*Northeast Asia Treaty Organization*). Sebagai kesimpulannya, dapat dikatakan bahawa pakatan bilateral ini memudahkan Amerika Syarikat melakukan kawalan maksimum terhadap sekutu kecilnya di rantau Timur Laut Asia iaitu Korea Selatan, Taiwan dan Jepun. Hal ini berjaya dilakukan dengan wujudnya faktor-faktor domestik dan regional di rantau Timur Laut Asia. Dengan kawalan yang maksimum ini, Amerika Syarikat berjaya menyekat tindakan agresif dan '*counter-civil war*' oleh pemimpin negara-negara kecil ini iaitu Chiang Kai-shek daripada Taiwan dan

Syngman Rhee dari Korea Selatan. Pakatan berasaskan bilateral ini telah berjaya membentuk kestabilan di rantau Timur Laut Asia (tanpa perang saudara atau peperangan ideologi serantau yang besar serta terbuka). Pakatan bersifat bilateral paling sesuai dengan perkembangan politik serantau Timur Laut Asia serta faktor geo-strategik yang terdapat di rantau Timur Laut Asia. Walaupun *state* mempunyai autoriti tertinggi dalam sistem antarabangsa, tetapi dalam konteks Timur Laut Asia, keputusan *state* (sekutu-sekutu Amerika Syarikat iaitu Taiwan, Korea Selatan dan Jepun) adalah tidak bebas sepenuhnya dalam membuat keputusan ketenteraan daripada kawalan oleh Amerika Syarikat. Negara-negara ini tidak dapat membuat keputusan dasar ketenteraan secara bebas tanpa persetujuan Amerika Syarikat. Ianya sangat terikat dan bergantung dengan keputusan Amerika Syarikat berasaskan perjanjian pertahanan bilateral yang dipersetujui bersama. Negara-negara ini seolah-olah dikawal oleh Amerika Syarikat dengan begitu ketat dalam dasar luar dan ketenteraan. Walaupun begitu, mereka terpaksa menerima kerana wujudnya faktor ancaman luar, tahap kekuatan ketenteraan yang relatifnya lebih lemah dengan negara kuasa besar utama dan kepentingan ekonomi serta pergantungan dengan Amerika Syarikat.

ⁱ Terdapat juga pakatan pertahanan yang bersifat bilateral antara Amerika Syarikat dan Filipina, tetapi pakatan yang bersifat multilateral iaitu SEATO lebih mendominasi bentuk pakatan kuasa ketenteraan di rantau Asia Tenggara. Di rantau Timur Laut Asia, tidak terdapat pakatan berbentuk multilateral, di mana semua pakatan utama adalah berbentuk bilateral.

ⁱⁱ Duffield, John, S., 2003. Asia-Pacific Security Institutions in Comparative Perspective, dalam Ikenberry, John & Mastanduno, Michael (eds.). *International Relations Theory and The Asia-Pacific*. New York: Columbia University Press, hal. 243-270 (terutamanya hal. 255).

ⁱⁱⁱ Sila lihat Cha, Victor, 1999. *Alignment Despite Antagonism: The United States-Korea-Japan Security Triangle*. Stanford, CA: Stanford University Press.

^{iv} NATO dibentuk pada 4 April 1949 dengan 12 anggota asal iaitu AS, Kanada, Great Britain, Perancis, Iceland, Portugal, Belgium, Belanda, Luxemburg, Itali, Denmark dan Norway. Keanggotaannya bertambah kemudiannya. Greece dan Turki menjadi negara anggota NATO pada tahun 1952 dan Jerman Barat pada tahun 1954. Sepanyol menjadi negara anggota NATO yang ke-16 pada tahun 1982. Selepas berakhirnya Perang Dingin, negara-negara bekas komunis Eropah Timur menjadi negara anggota NATO mulai awal tahun 1990-an.

^v Hubungan Korea Selatan dengan Jepun tidak begitu baik selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua sehingga tahun 1965. Ini ada hubungannya dengan sejarah pendudukan dan penjajahan Jepun di Korea. Lihat Duffield, John, S., 2003. Asia-Pacific Security Institutions in Comparative Perspective, dalam Ikenberry, John & Mastanduno, Michael (eds.). *International Relations Theory and The Asia-Pacific*. New York: Columbia University Press, hal. 255.

^{vi} Lihat Crone, Donald, 1993. Does Hegemony Matter? The Reorganization of the Pacific Political Economy. *World Politics: Vol. 45*, no. 4, hal. 501-525, khususnya jadual 4, hal. 510.

^{vii} Kuasa lemah terpaksa akur kepada kuasa yang lebih besar berasaskan dan dipengaruhi oleh wujudnya tiga faktor iaitu; pertama mengalami ancaman luar (*external threat*), kedua struktur kuasa yang bersifat "asymmetries" iaitu tidak mempunyai kekuatan yang sama dan; ketiga ketakutan perangkap (*fears of entrapment*). Tiga faktor ini dibincangkan dengan lebih mendalam di bahagian akhir artikel ini.

^{viii} Lihat Yahuda, Michael, (1996). *The International Politics of The Asia-Pacific, 1945-1995*, London & New York: Routledge, hal. 51-53.

^{ix} McDougall, D. (2007). *Asia Pacific in World Politics*, Boulder & London: Lynne Rienner Publishers, hal. 165-166.

^x Lihat Cha, Victor D. (2009). Powerplay: Origin of the U.S. Alliance System in Asia. *International Security*, Vol. 34, no. 3, (winter 2009/2010), hal. 167 dan 171.

^{xi} Sila lihat Yahuda, Michael, (1996). *The International Politics of The Asia-Pacific, 1945-1995*. London & New York: Routledge, hal. 123-124. Untuk perbincangan lanjut sila lihat juga Kalicki, J.H., 1975. *The Pattern of Sino-American Crises: Political Military Interactions in the 1950s*. Cambridge: Cambridge University Press.

^{xii} Perbincangan terperinci mengenai *powerplay* sila lihat Cha, Victor, D. (2009). Powerplay: Origin of the US Alliance System in Asia. *International Security*. Vol. 34, no. 3, (winter 2009/2010), hal. 158-197.

^{xiii} Lihat Duffield, John, (2003). Asia-Pacific Security Institutions in Comparative perspective, dalam Ikenberry, John & Mastanduno, Michael (eds.). *International Relations Theory and The Asia-Pacific*. New York: Columbia University Press, hal. 249-258.

^{xiv} Istilah yang digunakan dalam perbincangan ini adalah berdasarkan pentafsiran penulis. Untuk lebih mendalam dan lebih tepat, para pembaca disarankan untuk merujuk artikel asal daripada sumber yang dinyatakan di atas. Tujuan paparan rajah ini adalah untuk memberikan gambaran asas kepada para pembaca yang baru memahami konsep 'powerplay'

Rujukan

- Bobrow, Davis. (1999). Hegemony Management: The U.S. in the Asia-Pacific. *Pacific Review*, 12(2), 173-197.
- Capistrano, Andrew R, and Kurizaki, Shuhei. (2016). Japan's Changing Defense Posture and Security Relations in East Asia, *The Korean Journal of International Studies*, 14 (1), 77-104.
- Cha, Victor, D. (2009). Powerplay: Origin of the U.S Alliance System in Asia. *International Security*, 34 (3), 158-196.
- Cha, Victor, D. (1999). *Alignment Despite Antagonism: The U.S.-Korea-Japan Security Triangle*. Stanford, CA: Stanford University Press.
- Duffield, John, S. (2001). Why is There No APTO? Why is There No OSCAP?: Asia-Pacific Security Institutions in Comparative Perspective. *Contemporary Security Policy*, 22 (2), 69-95.
- Gordon, Bernard, K. (1990). *New Directions for American Policy in Asia*. London & New York: Routledge
- Grinter, Lawrence, F. (2011). Northeast Asian Security: Perspectives, Bargaining, and Issues in the US Alliances. *The Korean Journal of International Studies*, 9 (2), 157-178.
- Hemmer, Christopher & Katzenstein, Peter, J. (2002). Why is There No NATO in Asia? Collective Identity, Regionalism and The Origins of Multilateralism. *International Organization*, 56 (3), (Summer 2002), 575-607.
- Ikenberry, John, G. & Mastanduno, Michael. (eds.). (2003). *International Relations Theory and The Asia Pacific*. New York: Columbia University Press.
- Keylor, William. (2003). *A World of Nations: The International Order since 1945*. New York & Oxford, UK: Oxford University Press.
- McDougall, Derek. (2007). *Asia Pacific in World Politics*. Boulder, CO. & London: Lynne Rienner Publishers.
- Mohd. Noor Yazid. (2017). *Asia Pasifik sejak 1945*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Mohd. Noor Yazid. (2014). The Cold War, Bipolarity Structure and the Power Vacuum in the East and Southeast Asia after 1945. *Journal of Global Peace and Conflict*, 2 (1) June 2014, 121-128.
- Mohd. Noor Yazid. (2000). *Politik Antarabangsa Asia Pasifik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- O'Malley, Sean. (2015). Can Military Normalization in Japan and Opcon Transfer in South Korea Enhance Regional Stability? A Conflict Management Framework for Rivalry Dyads. *The Korean Journal of International Studies*. 13 (1) (April 2015).
- Ruggie, John Gerard. (1997). The Past as Prologue? Interest, Identity, and American Foreign Policy. *International Security*, 21 (4), (Spring 1977).
- Teichmann, Max. (ed.). (1970). *Powers and Policies: Alignments and Realignments in the Indo-Pacific Region*. Melbourne: Cassell Australia.
- Yahuda, Michael. (2004). *The International Politics of the Asia Pacific* (Second and revised edition). London & New York: RoutledgeCurzon.
- Yahuda, Michael, (1996). *The International Politics of the Asia Pacific, 1945-1995*. London & New York: Routledge.

Yuen Foong Khong. (1996). The United States and East Asia: Challenges to The Balance of Power. In Woods, Ngaire. *Explaining International Relations since 1945*. Oxford: Oxford University Press, pp. 179-196.